

Projek pertanian jangan sampai abaikan pemasaran

UM 21 JUN 2003

KUALA LUMPUR 20 Jun — Kerajaan digesa tidak mengulangi kesilapan dalam memperkenalkan projek-projek pertanian dalam usaha meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar sehingga mengabaikan aspek-aspek pemasaran.

Perwakilan UMNO Bahagian Padan Besar, Sabri Ahmad berkata, ini dibuktikan menerusi kegagalan projek-projek seperti penternakan puyuh, selembu, ikan keli, arnab, rusa dan terkini burung unta yang tidak berkembang pesat.

Beliau yang mewakili Badan Perhubungan UMNO Perlis berkata, petani disogokkan dengan pelbagai idea dan cadangan untuk meningkatkan pendapatan mereka tetapi kelemahan dalam pemasaran telah menggagalkan projek berkenaan.

"Malahan hampir semuanya gagal setelah banyak wang dibelanjakan tetapi tidak dapat nikmat dan akhirnya mereka ma-

rah kepada kita pula," katanya ketika membahaskan usul ekonomi pada Perhimpunan Agung UMNO Be-54 di sini hari ini.

Berikutan itu, beliau mengharapkan agar menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi dengan peruntukan kira-kira RM1 bilion bagi program Tabung Untuk Makanan, dapat menyediakan skim pemasaran yang berkesan.

Melalui strategi itu, golongan petani, penternak dan nelayan diharapkan meningkatkan pendapatan dengan melaksanakan skim pertanian komersil secara besar-besaran dalam usaha kerajaan mengurangkan import makanan negara, katanya.

Berikutan itu beliau mencadangkan agar kerajaan menggalakkan golongan siswazah yang menganggur menggerakkan aktiviti pertanian di luar bandar.

"Dengan ini secara langsung, tanah terbiar aebanyak 34,360 hektar dapat dipergunakan deng-

"Kuasa politik kita hari ini datangnya dari sokongan padu orang luar bandar," katanya.

Bagaimanapun, kemajuan kawasan luar bandar masa kini membuktikan bahawa kerajaan tidak pemah melupakan nasib masyarakat terbesar itu.

Beliau yakin masyarakat luar bandar tetap bersyukur dengan pembangunan yang telah dijalankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ini dibuktikan dengan penurunan kadar kemiskinan kawasan luar bandar daripada 69 peratus pada 1970 kepada 12 peratus pada masa kini, katanya.

"Ini menunjukkan kita berjaya mengubah kemiskinan penduduk kampung, namun kita masih tidak berpuas hati selagi nasib bangsa kita tidak seiring dengan kaum lain," jelasnya.

an sepenuhnya dan usaha meningkatkan pendapatan serta mengurangkan pengangguran dapat diatasi," jelasnya.

Beliau berkata, adalah menjadi kewajipan kepada UMNO untuk terus memperjuangkan nasib masyarakat luar bandar memandangkan kekuatan parti politik itu yang datang dari luar bandar.